

Headline	Risiko ambil alih konsesi bekalan air Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	14	ArticleSize	290 cm ²
AdValue	RM 3,779	PR Value	RM 11,336



Risiko ambil alih konsesi bekalan air Selangor

Oleh **ROHAMI SHAFIE**

UMUM mengetahui, air adalah perkara asas dalam kehidupan manusia. Sejak wujudnya manusia di muka bumi ini sehinggalah kiamat, manusia amat memerlukan air.

Tidak sebagaimana bekalan elektrik, manusia tidak boleh hidup tanpa air. Jika sesiapa yang tersesat di hutan sekali pun, dia mampu hidup berminggu-minggu jika mendapat bekalan air secukupnya meskipun tidak mendapat bekalan makanan yang mencukupi. Begitu juga, manusia akan menghadapi pelbagai masalah tanpa bekalan air yang mencukupi.

Air digunakan untuk kebanyakan aktiviti seharian manusia. Apa yang akan terjadi apabila manusia tidak dibekalkan dengan air yang mencukupi meskipun mempunyai wang kekayaan dan harta benda yang melimpah ruah?

Penulis berasa simpati apabila adanya rakyat Selangor yang tinggal di flat bertingkat-tingkat terpaksa mengambil air dari bawah ketika berdepan masalah terputus bekalan air awal tahun ini. Banyak masa terbuang bagi mendapatkan sedikit air untuk menjalani kehidupan seharian.

Usah membebankan rakyat dengan masalah asas sebegini. Nasib rakyat wajar dibela sebaik-baik mungkin.

Pihak yang terlibat dengan isu air di Selangor tidak dapat mencari penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah air di Selangor. Masing-masing menuding jari sesama sendiri menyalahkan pihak lain kecuali dirinya sendiri. Sampai bilakah isu air ini akan berlarutan?

Diberitakan kerajaan Selangor membuat tawaran pengambilalihan syarikat konsesi bekalan air di negeri tersebut. Bagaimanapun pihak syarikat konsesi air mempersoalkan tindakan kerajaan negeri Selangor.

Menurut pihak syarikat konsesi air berkenaan, mereka telah diberi tekanan agar menerima tawaran tersebut. Jika benarlah apa yang dikatakan oleh syarikat konsesi air berkenaan, situasi sebegini sewajarnya tidak berlaku.

Dalam perniagaan, pengambilalihan sebegini akan menyebabkan ada pihak yang tidak berpuas hati dan berasa kerugian. Pengambilalihan sebaik-baiknya dilakukan secara sukarela yang mana kedua-dua pihak bersetuju dengan tawaran yang diberikan.

Bagi pengambilalihan syarikat yang berstatus senaraian awam, pengambilalihan syarikat tersebut adalah lebih kompleks berbanding dengan pengambilalihan syarikat persendirian.

Banyak pihak yang perlu dilibatkan sebelum mengambil alih syarikat senaraian awam terutamanya pemegang-pemegang

saham yang lain termasuklah pemegang saham minoriti. Tidak ketinggalan institusi kewangan dan badan-badan berkuasa termasuklah pemegang saham emas syarikat senaraian awam.

Apakah yang akan terjadi jika pihak-pihak lain tidak bersetuju dengan tawaran tersebut kerana merugikan pihak mereka dan rakyat? Lagi pun setiap tawaran pengambilalihan sebaik-baiknya tidak dilakukan dengan tergesa-gesa kerana dikhuatiri akan merugikan satu pihak yang lain, di samping tidak boleh sesekali mengabaikan perjanjian konsesi yang telah dipersetujui sebelum ini.

Sesuai perjanjian atau kontrak mestilah saksama agar semua pihak mendapat keadilan dalam urusan perniagaan. Inilah asas dalam perniagaan.

Namun demikian, dalam konteks bekalan air, keuntungan wang ringgit bukanlah perkara pokok. Perkara paling utama adalah perkhidmatan bekalan air yang berkualiti tinggi untuk rakyat.

Sebab itulah, apabila adanya pengambilalihan syarikat konsesi air Selangor, kualiti perkhidmatan air yang sebelum ini diberikan oleh syarikat berkenaan sekurang-kurangnya dapat dikekalkan oleh pihak yang akan mengambil alih syarikat tersebut. Jika tidak, rakyat juga yang akan menjadi mangsa.

Selain itu, menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), urusan niaga yang dilakukan boleh menjadi kelam kabut jika sekiranya keputusan PRU-13 di Selangor memihak kepada parti Barisan Nasional (BN), sedangkan perjanjian tersebut telah termeterai.

Siapakah yang akan melaksanakan perjanjian tersebut kalau adanya pertukaran kerajaan di Selangor? Dengan tawaran sebanyak RM9.65 bilion, jumlah tersebut bukanlah sedikit dan sudah tentu kerajaan Selangor memerlukan sumber kewangan yang mencukupi.

Dari mana datangnya sumber kewangan sebanyak itu? Ini penting kerana rakyat Selangor berhak mengetahui dari mana datangnya sumber kewangan tersebut.

Sebab itulah, bagi penulis urusan niaga tersebut tidak boleh dilakukan secara terburu-buru. Jalan terbaik biarlah ia diselesaikan selepas PRU-13 yang tidak beberapa hari lagi.

Paling utama, ia perlu diperhalusi sedalam-dalamnya demi kebaikan semua terutamanya demi membela nasib rakyat Selangor bagi memperoleh bekalan air yang berkualiti tinggi, bersih dan mencukupi.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Pusat Pengajian Perakaunan Dan Felo Penyelidik, Institut Keusahawanan dan Koperasi, Universiti Utara Malaysia